



## KENYATAAN MEDIA

---

### **INISIATIF TNB UNTUK MEMPERLUASKAN LIPUTAN GENTIAN OPTIK DI MELAKA DISAMBUT BAIK**

Saya mengalu-alukan keputusan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk memperluaskan liputan gentian optik ke empat lagi kawasan di Melaka selepas kejayaan pelaksanaan projek rintis Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan (NFCP) di Jasin awal tahun ini.

TNB dijangka melaksanakan gentian optik di sebanyak 14,900 buah rumah sebagai tambahan kepada 1,100 buah rumah di Jasin awal tahun ini. Ini menjadikan jumlah rumah yang terhubung melalui rangkaian Internet melalui TNB di Melaka sebanyak 16,000. Saya dimaklumkan bahawa inisiatif ini dibiayai secara swasta.

Ini merupakan satu berita yang baik kerana ia akan menyokong inisiatif NFCP kerajaan dan menggalakkan lagi usaha untuk memperluaskan kesalinghubungan ke seluruh negara pada masa hadapan dalam kadar yang lebih cepat dan kos yang lebih rendah.

TNB akan melaksanakan projek ini secara berperingkat meliputi kawasan-kawasan bandar dan luar bandar seperti Alor Gajah sebanyak 8,200 buah rumah, Jasin sebanyak 2,700 buah rumah dan Melaka Tengah yang terdiri daripada 4,000 rumah di Ayer Keroh dan Malim Jaya.

Saya berharap TNB juga boleh memperluaskan inisiatif mereka ke negeri-negeri lain memandangkan ketersediaan mereka dalam menggunakan infrastruktur yang sedia ada. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Melaka kerana telah secara aktif meneruskan dan memberi kerjasama dalam pelaksanaan projek ini. Saya berharap negeri-negeri lain juga akan berusaha untuk meningkatkan perkembangan rangkaian di negeri masing-masing. Saya dimaklumkan bahawa inisiatif seperti ini sedang dibincangkan di Kedah, Perak dan Johor.

Bagi pihak saya, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia akan memberi sokongan kepada inisiatif seperti ini dan mengalu-alukan penyertaan daripada pihak yang boleh membantu dan menjayakan inisiatif NFCP.

**GOBIND SINGH DEO**

**MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

**30 OGOS 2019**